



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI, ESTIM KENDIRI DAN
PENGALAMAN PENGAJARAN DENGAN TEKANAN KERJA
PENSYARAH
DI KOLEJ VOKASIONAL***

NORHAYATI BINTI ABU HASAN

FPP 2017 43



**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI, ESTIM KENDIRI DAN
PENGALAMAN PENGAJARAN DENGAN TEKANAN KERJA PENSYARAH
DI KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

NORHAYATI BINTI ABU HASAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mac, 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI, ESTIM KENDIRI DAN
PENGALAMAN PENGAJARAN DENGAN TEKANAN KERJA PENSYARAH DI
KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

NORHAYATI BINTI ABU HASAN

Mac 2017

Pengerusi: Profesor Ab. Rahim b Bakar, PhD
Fakulti: Pengajian Pendidikan

Penstrukturan semula kurikulum vokasional dalam Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional memperlihatkan penambahan amalan industri atau amali teknikal sebanyak 70 peratus kepada pelajar kolej vokasional. Proses penstrukturan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pertambahan beban kerjadan meningkatkan risiko tekanan kerja dalam kalangan pensyarah. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap tekanan kerja, efikasi sendiri dan estim kendiridalam kalangan pensyarahvokasional serta melihat hubungan antara pemboleh ubah tersebut. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk menentukan peramal kepada tekanan kerja dalam kalangan pensyarahvokasional.

Reka bentuk deskriptif korelasi digunakan untukmenjalankan kajian ini. Kaedah persampelan rawak berstrata tidak berkadaran digunakan untuk melihat perbezaan antara bidang pengajaran. Responden kajian melibatkan 288 orang pensyarahyang mengajar bidang Teknologi Awam, Teknologi Elektrik dan Elektronik serta Teknologi Mekanikal Pembuatan di 18 buah Kolej Vokasional negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Instrumen penyelidikan yang digunakan diubahsuai daripada pengkaji lepas antaranya *Teacher Sense of Efficacy Scale* oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001), *Computer Technology Integration Survey* oleh Wang et al., (2004), *Rosenberg Self-Esteem Scale* oleh Rosenberg (1965) dan soal selidik tekanan kerja oleh Henning dan Keller (1996).

Dapatan kajian menunjukkan efikasi sendiri pensyarahvokasional adalah tinggi ($M=3.89$, $SD=0.57$) manakalaestim sendiri ($M=2.90$, $SD=0.65$) dan tekanan

kerja ($M=2.58$, $SD=0.94$) adalah sederhana. Selain itu, terdapat perbezaan antara min tekanan kerja bagi pensyarah Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Mekanikal dan Pembuatan serta Teknologi Awam. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan signifikan antara tekanan kerja dengan efikasi sendiri ($r=-0.692$), estim sendiri ($r=-0.485$) dan pengalaman mengajar ($r=-0.463$). Selain itu, efikasi sendiri, estim sendiri, dan pengalaman mengajar merupakan peramal kepada tekanan kerja.

Kesimpulannya, ciri-ciri individu iaitu efikasi sendiri, estim sendiri dan pengalaman mengajar memberikan pengaruh terhadap tekanan kerja. Oleh yang demikian, pensyarah vokasional dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional serta pentadbir kolej vokasional perlu menggalakan pensyarah untuk meningkatkan keyakinan dalam kemahiran mengajar agar lebih bersedia untuk berhadapan dengan cabaran transformasi pendidikan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN SELF-EFFICACY, SELF-ESTEEM, TEACHING
EXPERIENCE AND WORK STRESS AMONG LECTURERS IN VOCATIONAL
COLLAGE**

By

NORHAYATI BINTI ABU HASAN

March 2017

Chair: Profesor Ab. Rahim b Bakar, PhD
Faculty: Educational Studies

The restructuring of the vocational curriculum in the Strategic Plan for the Transformation of Vocational Education (TPV) which shows the addition of industry practice or technical internship to the students as much as 70 percent. This restructuring process involves many changes in curriculum instruction and indirectly applicable to the work stress next raises the question of the existence of pressure. The aim of this study was to identify the level of work stress, self-efficacy and self-esteem among lecturers at vocational colleges and to see the relationship between the variables. In addition, this study also aims to determine the predictor of work pressure among lecturers of vocational collage.

Descriptive correlational design were utilized to analyze and present the finding. Unproportionate stratified random sampling method used to see the difference between the teaching fields. This study involved 288 lecturers who teach Civil Technology, Electrical and Electrical Technology and Mechanical Manufacturing Technology from 18 vocational colleges in Perak, Selangor, Federal Territory of Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka and Johor. The research instruments used in this study was adapted from previous researchers such as Teacher Sense of Efficacy Scale by Tschannen-Moran and Hoy (2001), Computer Technology Integration Survey by Wang et al., (2004), Rosenberg Self-Esteem Scale by Rosenberg (1965) and work stress questionnaire developed by Henning and Keller (1996).

The findings showed that the self efficacy of the vocational lecturers was high ($M = 3.89$, $SD = 0.57$) while the self estimate ($M = 2.90$, $SD = 0.65$) and work stress ($M = 2.58$, $SD = 0.94$) were moderate. In addition, there is a difference

level between the mean of work stress for lecturers in Electrical and Electronic Technology, Mechanical and Manufacturing Technology and Civil Technology. The findings also showed significant relationship between work stress and self efficacy ($r = -0.692$), self estimate ($r = -0.485$) and teaching experience ($r = -0.463$). In addition, self efficacy, self esteem, and teaching experience are the predictors of work stress.

In conclusion, individual characteristics of self efficacy, self esteem and teaching experience have a significant impact to work stress. Therefore, vocational lecturers in collaboration with the Technical and Vocational Education Division and vocational colleges should take the initiative to encourage lecturers to enhance their confidence in teaching skills to be more prepared to deal with the challenges of education transformation.

PENGHARGAAN

Sesungguhnya hanya dengan izin, hidayah dan kuasaMu, tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Profesor Ab. Rahim B Bakar (Penyelia Utama) dan Profesor Madya Abdullah Bin Mat Rashid @ Mat Idris (Penyelia Bersama). Dedikasi dan penat lelah tuan berdua dalam memberi tunjuk ajar, dorongan dan bimbingan akan menjadi ingatan sepanjang hayat.

Hutang budi yang tidak terbayar dan rasa amat terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia selaku majikan dan penaja. Seterusnya ucapan penghargaan kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Penjabat Pendidikan Daerah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan serta kolej-kolej vokasional yang terlibat dalam kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang terlibat dalam memberi tunjuk ajar selama kajian ini dijalankan. Ruangan begitu terbatas untuk membariskan nama-nama tuan/puan satu persatu. Sumbangan individu dalam kelansungan kutipan data juga tidak dilupakan iaitu pensyarah-pensyarah kolej vokasional, pakar-pakar (kesahan instrument) dan pembina instrumen asal yang digunakan dalam kajian ini.

Akhir sekali, buat ibunda dan ayahdan tercinta, En Abu Hasan bin Shaari dan Pn Noorlinda bt Harun serta insan yang paling memahami, En Mohamad Izzat bin Romainoor, anakanda Mohamad Izz Haider dan Mohamad Izz Hadief juga rakan-rakan yang banyak berkorban dan memberi sokongan, terima kasih kerana menjadikan aku insan yang sangat berilmu. Semoga dengan ilmu ini dapat aku membentuk watakku yang unggul, jati diriku yang tulen dan nilai manusiaku yang tinggi. Amin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 30 Mac 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norhayati Binti Abu Hasanbagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan antara Efikasi Kendiri, Estim Kendiri dan Pengalaman Pengajaran dengan Tekanan Kerja Pensyarah di Kolej Vokasional” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

ZOHARAH BINTI OMAR, PHD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

SUHaida Binti Abdul Kadir, PHD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

YAHYA BUNTAT, PHD

Profesor Madya
Universiti Teknologi Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesordan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 30 November 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab. Rahim B Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdullah Bin Mat Rashid @ Mat Idris, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah:

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau diinstitusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norhayati Binti Abu Hasan (GS38696)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 20122013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Y. Bhg. Professor Dr. Ab. Rahim B Bakar

Tandatangan : _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Mat Rashid @ Mat Idris

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Istilah	10
1.8.1 Tekanan Kerja	10
1.8.2 Efikasi Kendiri	11
1.8.3 Estim Kendiri	11
1.8.4 Pensyarah Bidang Vokasional	12
1.8.5 Kolej Vokasional	12
1.9 Kesimpulan	13
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Tekanan Kerja	14
2.2.1 Konsep Tekanan Kerja	14
2.2.2 Kajian Lepas Berkaitan Tekanan Kerja	18
2.2.3 Dimensi Tekanan Kerja	20
2.3 Kajian Lepas Berkaitan Tekanan Kerja dan Strategi Menangani Tekanan Kerja	22
2.4 Efikasi Kendiri	25
2.4.1 Konsep Efikasi Kendiri Guru	25
2.4.2 Efikasi Kendiri dan Tekanan Kerja Guru	27
2.4.3 Dimensi Efikasi Kendiri Guru	28
2.5 Estim Kendiri	33
2.5.1 Konsep Estim Kendiri Guru	33
2.5.2 Estim Kendiri dan Tekanan Kerja Guru	34
2.6 Pengaruh Faktor Bidang Pekerjaan dan Pengalaman Mengajar terhadap Tekanan Kerja	35
2.7 Kerangka Teoritikal Kajian	37
2.8 Kerangka Konseptual Kajian	38

2.9	Kesimpulan	39
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Lokasi Kajian	40
3.4	Populasi Kajian	40
3.5	Sampel Kajian	41
3.6	Pemilihan Sampel Kajian	42
3.7	Instrumen Kajian	44
	3.7.1 Bahagian A: Demografi	45
	3.7.2 Bahagian B: Efikasi Kendiri	45
	3.7.3 Bahagian C: Estim Kendiri	46
	3.7.4 Bahagian D: Tekanan Kerja	47
3.8	Kesahan Instrumen	48
3.9	Kebolehpercayaan instrumen	48
3.10	Tatacara Pemerolehan Data	50
3.11	Tatacara Penganalisan Data	50
3.12	Ringkasan Ujian Statistik	53
3.13	Kesimpulan	53
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	54
4.2	Latar Belakang Responden	54
4.3	Objektif 1: Tahap Efikasi Kendiri, Estim Kendiri Dan Tekanan Kerja dalam Kalangan Pensyarah Kursus Vokasional	56
	4.3.1 Tahap Efikasi Kendiri Pensyarah Kursus Vokasional	56
	4.3.2 Tahap Estim Kendiri Pensyarah Kursus Vokasional	59
	4.3.3 Tekanan Kerja Pensyarah Kursus Vokasional	60
4.4	Objektif 2: Perbezaan Tahap Tekanan Kerja dalam Kalangan Pensyarah Jabatan Teknologi Elektrik Dan Elektronik, Teknologi Mekanikal Dan Pembuatan Serta Teknologi Awam.	63
4.5	Objektif 3: Hubungan Antara Pengalaman pengajaran, Efikasi Kendiri, Estim Kendiri dengan Tekanan Kerja dalam Kalangan Pensyarah Kursus Vokasional.	64
4.6	Objektif 4: Faktor Peramal Terhadap Tekanan Kerja.	65
4.7	Perbincangan	67
	4.7.1 Profil Responden	67
	4.7.2 Tahap Tekanan Kerja Pensyarah	68
	4.7.3 Tahap Efikasi Kendiri Pensyarah	69
	4.7.4 Tahap Estim Kendiri Pensyarah	72
	4.7.5 Perbezaan Tahap Tekanan Kerja dalam Kalangan Pensyarah Jabatan Teknologi Elektrik Dan Elektronik, Teknologi Mekanikal Dan Pembuatan Serta Teknologi Awam	74
	4.7.6 Hubungan antara Pengalaman pengajaran, Efikasi Kendiri dan Estim Kendiri dengan Tekanan Kerja	74
	4.7.7 Faktor Peramal Terhadap Tekanan Kerja	77
4.8	Kesimpulan	77

5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN	
5.1 Pengenalan	78
5.2 Rumusan Kajian	78
5.3 Implikasi Kajian	80
5.4 Cadangan Kajian	82
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	82
RUJUKAN	84
LAMPIRAN	102
BIODATA PELAJAR	132



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Perincian kursus mengikut bidang	12
3.1 Taburan responden mengikut bidang dan jantina	41
3.2 Jumlah sampel mengikut KV bagi setiap bidang	43
3.3 Ringkasan instrumen kajian	45
3.4 Item bagi setiap konstruk dalam efikasi sendiri	46
3.5 Interpretasi skor skala likert lima tahap bagi efikasi sendiri	46
3.6 Interpretasi skor skala likert empat tahap bagi estim sendiri	47
3.7 Interpretasi skor skala likert lima tahap bagi tekanan kerja	48
3.8 Item bagi setiap konstruk dalam tekanan kerja	48
3.9 Kebolehpercayaan instrumen kajian rintis	49
3.10 Pemarkatan dan interpretasi untuk tahap efikasi sendiri	51
3.11 Pemarkatan dan interpretasi untuk tahap estim sendiri	51
3.12 Pemarkatan dan interpretasi untuk tahap tekanan kerja	51
3.13 Interpretasi korelasi <i>Pearson</i>	52
3.14 Ringkasan ujian statistik mengikut persoalan kajian	52
4.1 Perincian Latar Belakang Responden	55
4.2 Tahap Efikasi Kendiri	56
4.3 Min dan Sisihan Piawai bagi Setiap Dimensi Efikasi Kendiri	56
4.4 Min dan Sisihan Piawai Efikasi Kendiri	57
4.5 Tahap Estim Kendiri	59
4.6 Min dan Sisihan Piawai Estim Kendiri	60
4.7 Tahap Tekanan Kerja	60
4.8 Min dan Sisihan Piawai bagi Setiap Dimensi Tekanan Kerja	61
4.9 Min dan Sisihan Piawai Tekanan Kerja	61
4.10 Skor Tekanan Kerja Pensyarah berdasarkan Bidang Pengajaran	63
4.11 Perbandingan Min Tekanan Kerja berdasarkan Bidang Pengajaran	63
4.12 Ujian Post Hoc Tahap Tekanan Kerja berdasarkan Bidang Pengajaran	64
4.13 Hubungan antara Pengalaman Mengajar, Efikasi Kendiri dan Estim Kendiri dengan Tekanan Kerja	64
4.14 Analisis Regresi Berganda Tekanan Kerja Terhadap Pemboleh ubah Terlibat	65
4.15 Ujian <i>Collenerity</i> bagi setiap pemboleh ubah dalam Model Tekanan Kerja	66

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Model tekanan kerja guru Kyriacou dan Sutcliffe	16
2.2	Model tekanan kerja guru Boyle, Borg, Falzon dan Bognioni	17
2.3	<i>Transactional Model of Stress and Coping</i> oleh Lazarus dan Folkman	24
2.4	Kerangka teoritikal kajian	38
2.5	Kerangka konseptual kajian	39
3.1	Bilangan sampel mengikut bidang pengajaran	42
3.2	Carta alir pemilihan sampel	44



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
1	Taburan Populasi Berdasarkan 18 buah KV Mengikut Negeri	103
2	Pengiraan saiz sampel oleh Bartlett, Kotrluk dan Higgins (2001)	105
3	Jadual Persampelan Bartlett	106
4	Jadual penentuan saiz persampelan secara rawak oleh Krejcie dan Morgan (1970)	107
5	Pengiraan saiz sampel menggunakan kaedah Raosoft (2004)	108
6	Kebenaran menggunakan soal selidikefikasi sendiri	109
7	Kebenaran menggunakan soal selidik estim sendiri	110
8	Senarai panel pengesahan instrumen	111
9	Panel penterjemah instrumen kajian	113
10	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia	114
11	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	115
12	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Pelajar Negeri	116
13	Surat kebenaran menjalankan kajian ke kolej vokasional dan surat pengurusan soal selidik	121
14	Borang soal selidik	123

SENARAI SINGKATAN

PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPM	Sijil Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
RMKe-10	Rancangan Malaysia ke Sepuluh
MBE	Model Baru Ekonomi
TPV	Transformasi Pendidikan Vokasional
DEB	Dasar Ekonomi Baru
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
EPRD	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar
TEE	Teknologi Elektrik dan Elektronik
TMP	Teknologi Mekanikal dan Pembuatan
TA	Teknologi Awam
STEBI	<i>Science Teaching Efficacy Belief</i>
RSE	<i>Rosenberg Self-Esteem Scale</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan latar belakang masalah serta pernyataan masalah yang berlaku dengan mendalam, menyenaraikan objektif dan juga persoalan kajian. Selain daripada itu, perkara-perkara yang menjadi batasan kepada kajian turut dibincangkan. Akhir sekali adalah huraian mengenai definisi istilah yang akan dijadikan panduan kepada pembaca.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia bertujuan untuk mencapai dua objektif utama iaitu untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang perlu sebagai persediaan menghadapi cabaran masa depan dan mengembangkan nilai-nilai setara yang diingini untuk membentuk modal insan yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada negara (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Hal ini kerana, modal insan merupakan sumber paling penting bagi membolehkan Malaysia beralih kepada ekonomi yang berintensif pengetahuan dan diterajui inovasi. Justeru, ini adalah cabaran yang besar terhadap sistem pendidikan negara dalam membekalkan modal insan yang berkebolehan serta berkemahiran terutamanya pendidikan teknik dan vokasional.

Pendidikan teknik dan vokasional (PTV) merupakan salah satu cabang pendidikan yang ditawarkan dalam sistem pendidikan di Barat mahupun di Asia Timur. PTV bertujuan untuk membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat kerja dan nilai dalam individu sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan. Selain itu, PTV bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap aspek teknikal dan kemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di industri. Dalam usaha mempromosikan program PTV, pelbagai inisiatif telah diwujudkan dan ditawarkan antaranya memperkenalkan PTV di peringkat sekolah menengah sehingga ke peringkat universiti. Usaha-usaha ini bagi membolehkan pelajar-pelajar yang berpotensi dilatih untuk menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional di dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional.

Negara-negara di barat mahupun di Asia Timur kebanyakannya mengatur strategi untuk menaik taraf PTV serta latihan dan kemahiran bagi menghasilkan output yang produktif sama ada untuk kepentingan pelajar, masyarakat mahupun negara. Negara Barat seperti Australian, Jerman, Britain dan Jepun telah melaksanakan pembaharuan dalam transformasi PTV dengan penglibatan organisasi luar seperti majikan secara terus dalam latihan vokasional. Kebanyakan revolusi PTV di Asia Timur adalah refleksi daripada sistem di Barat. Bentuk latihan kemahiran vokasional di negara-negara seperti

Korea, Hong Kong dan Jepun adalah lebih baik daripada negara-negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Malaysia (UNESCO, 1994).

Di Perancis, pelajar menengah atas menduduki PTV secara intensif selama tiga tahun samaada di sekolah teknik, sekolah profesional atau pusat perantisan. 70 peratus kandungan kurikulum adalah terdiri daripada elemen vokasional. Pelajar yang tamat pendidikan bidang teknik di sekolah teknik akan memperolehi diploma (*Technical Baccalaureat*) manakala pelajar yang tamat pendidikan vokasional akan memperolehi diploma (*Professional Baccalaureat*). Bagi pelajar lulusan pusat perantisan yang menyediakan pendidikan dan latihan vokasional, mereka akan memperolehi sijil kemahiran (*Certificate of Professional Aptitude dan Vocational Education Certificate*). Pelajar yang menamatkan tiga tahun dalam bidang teknik dan vokasionalpula layak untuk terus ke alam pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Berbeza dengan Finland, kolej vokasional menyediakan pendidikan dan latihan vokasional intensif selama tiga tahun dengan 75 peratus kandungan kurikulumnya ialah kemahiran vokasional dan latihan dalam kerja atau *On-Job-Training*. Pendidikan vokasional dijalankan di sekolah vokasional sepenuh masa atau separuh masa. Sekolah vokasional separuh masa menyediakan pendidikan vokasional selama tiga tahun dalam 'sistem dual'. Sistem dual bermaksud latihan vokasional dijalankan di dua pusat pembelajaran iaitu industri atau perusahaan dan di sekolah vokasional. Oleh kerana orientasi kurikulum menekankan kemahiran untuk bekerja, guru-guru yang mengajar pendidikan vokasional perlu memiliki tiga tahun pengalaman industri dan menjalani latihan pedagogi intensif selama setahun. Hampir 50 peratus murid pendidikan menengah memilih untuk menuntut di sekolah vokasional. Jumlah ini menunjukkan sebanyak 60-70% daripada pelajar (lebih daripada 1.6 juta) memasuki sekolah vokasional. Pelajar yang menjalani sistem dual bukan sahaja mempunyai kemahiran keboleherjaan, tetapi juga mempunyai kemahiran untuk menjalani latihan berterusan dalam melaksanakan pekerjaan.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat sistem PTV di kebanyakan negara yang mencapai taraf negara perindustrian di Barat menerima pelajar aliran vokasional melebihi 60 peratus jumlah kemasukan. Ini menunjukkan bahawa, di negara Barat, pendidikan teknik dan vokasional tidak dianggap sebagai pendidikan kelas ketiga berbanding negara di Asia Timur.

Bagi negara Asia Timur seperti Singapura, sistem pendidikan vokasional bermula pada peringkat menengah menerusi institusi sekolah menengah normal (teknik) (SNT). Pendidikan vokasional di SNT menyediakan peluang pendidikan vokasional selama empat tahun untuk murid yang cemerlang dalam aspek teknik dan vokasional. Namun, tidak seperti Finland, enrolment murid sekolah menengah yang melanjutkan pelajaran ke SNT adalah sebanyak 15 peratus. Kurikulum SNT adalah berorientasikan amali atau *practical-oriented*

learning bagi memantapkan asas pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Ini menunjukkan negara Asia Timur mula menyusun langkah untuk berusaha memartabatkan pendidikan teknik dan vokasional melihatkan kepentingan PTV dalam membangunkan ekonomi negara.

Selaras dengan itu, bagi memenuhi keperluan dan aspirasi negara menjelang alaf baru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai transformasi dalam sistem pendidikan negara terutamanya PTV. Kerajaan telah memperkenalkan empat tonggak penting yang mendasari program transformasi pendidikan iaitu Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Model Baru Ekonomi(MBE)(Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012). Hasrat kerajaan dalam RMKe-10 bagi tempoh 2011 hingga 2015 jelas menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengarusperdanakan PTV.

Latihan kemahiran diberi penekanan utama di bawah RMKe-10 bagi memastikan Malaysiamempunyai modal insan yang memenuhi keperluan industri dan memacu peningkatanproduktiviti (Unit Perancang Ekonomi, 2010).Antara langkah yang dijalankan oleh KPM ialah melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) seperti yang terangkum dalam Bab Lima : Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia, dokumen RMKe-10 (Unit Perancang Ekonomi, 2010).Inisiatif ini direncanakan dalam konteks agenda besar membina negara dan bangsa Malaysia yang merdeka dan berdaulat.

Program TPV telah diperkasakan pada tahun 2013 dan bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pendidikan vokasional negara. Langkah ini di ambil bagi menyokong agenda transformasi ekonomi negara dalam menghasilkan tenaga mahir dan terlatih. TPV direalisasikan menerusi rangkaian prakarsa nasional yang berkesinambungan dan saling berkait. Antara prakarsa nasional yang utama ialah Wawasan 2020, gagasan 1Malaysia dan agenda transformasi negara menerusi Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Sistem PTV Malaysia pada awalnya terdiri daripada dua komponen yang berbeza. Komponen yang terkandung di dalam PTV adalah pendidikan teknikal dan pendidikan vokasional. Pendidikan teknikal adalah pendidikan sebarang bentuk pelajaran yang berbentuk persediaan praktikal, teori di semua peringkat dalam pelbagai bidang penghasilan dan perkhidmatan manakala pendidikan vokasional adalah sebahagian daripada pelajaran teknik yang direka khas untuk menyediakan pelajar untuk sesuatu bidang pekerjaan (Wan Zulkhairi Zakaria, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin, 2011).

Pada awalnya, sekolah menengah vokasional (SMV) menyediakan latihan kemahiran selama dua tahun. Kandungan pelajarannya terdiri daripada ilmu dasar (teori) dan amali. Pelajar-pelajar SMV akan mengambil peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) pada penghujung penggal akhir berbanding murid-murid sekolah menengah teknik (SMT) yang akan mengambil SPM seperti murid-murid sekolah menengah lain (kebangsaan, sukan, agama, asrama penuh).

Melalui TPV, SMV/SMT telah ditukar kepada Kolej Vokasional (KV). Sistem pendidikan KV ditubuhkan bagi melahirkan golongan mahir dalam bidang pekerjaan yang menepati kehendak industri (KPM, 2012). Antara salah satu sebab penubuhan KV ini juga adalah untuk menempatkan murid berprestasi rendah dalam akademik bagi mendapatkan latihan kemahiran berasaskan industri agar mereka mampu berdikari serta mendapat pekerjaan dalam bidang berkemahiran tinggi (Wee Ka Siong, 2011).

Transformasi KV telah memperlihatkan berlaku perubahan dalam silibus pengajaran dengan pengurangan dalam komposisi akademik kepada 30 peratus dan penambahan amalan industri atau amali teknikal sebanyak 70 peratus kepada pelajar. Perubahan waktu pembelajaran juga berlaku. Pelajar dan pensyarah memperuntukkan masa yang lebih panjang di KV iaitu dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Kurikulum KV dibentuk berdasarkan Standart Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau *NOSS* dan sistem persijilan yang mempunyai 5 tahap kelayakan kemahiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011). Selain itu, pensijilan yang diberikan kepada pelajar berubah daripada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kepada Diploma Kolej Vokasional (DKV). Sistem penilaian pelajar juga berdasarkan garis panduan Majlis Kelayakan Malaysia (MQA) dan pensyarah perlu memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 5 dalam bidang vokasional untuk mengajar pelajar DKV Tahun 1 dan Tahun 2.

Justeru ini menunjukkan faktor kritikal yang diambil kira bagi memastikan kejayaan dalam TPV adalah pensyarah vokasional yang berkelayakan, terlatih dan bertauliah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Hal ini kerana, kualiti guru memainkan peranan penting mengatasi kualiti sistem pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986, kejayaan murid dalam pembelajaran dan motivasi sertaminat mereka mempunyai hubungan rapat dengan kebolehan dan keberkesanan guru yang mengajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986). Oleh yang demikian, dalam usaha untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti, PTV di peringkat menengah khususnya di KV memerlukan pensyarah atau tenaga pengajar yang mempunyai tahap ilmu dan pengalaman yang tinggi terutamanya dalam aspek praktikal berbanding teori (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Namun, selaras dengan usaha untuk memenuhi tuntutan transformasi pendidikan, guru terdedah kepada risiko untuk mengalami peningkatan beban tugas. Peningkatan beban tugas pula menyebabkan semakin ramai kalangan guru terdedah kepada risiko mengalami tekanan kerja (Utusan Malaysia Online, 18 Mei 2009). Menurut Shahin dan Naseer (2011) dan Ferguson, Frost dan Hall

(2012), tekanan kerja guru kebanyakan berpunca daripada pertambahan beban kerja kesan daripada program transformasi, perubahan dalam sistem pendidikan dan kurikulum. Hal ini kerana, tidak semua guru mampu untuk berubah seiring dengan transformasi tersebut.

Perubahan dalam sistem pendidikan dan transformasi kurikulum semasa menyebabkan tekanan kerja guru kerana guru merasakan perubahan tersebut bertentangan dengan pemahaman pedagogi mereka serta nilai profesionalisme (Moriarty, Edmonds, Blatchford & Martin, 2001). Walaupun pihak kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan kenaikan gaji serta pangkat dalam profession perguruan, tetapi perkembangan kerjaya yang terhad dan perlahan juga boleh meningkatkan tekanan kerja dalam kalangan guru. Tekanan yang terlampau tinggi boleh menyebabkan guru bertindak untuk meninggalkan pekerjaan mereka. Berdasarkan kajian oleh Liu dan Onwuegbuzie (2012), tekanan kerja yang dihadapi oleh guru di China menyebabkan mereka ingin meninggalkan profesion keguruan.

Tekanan kerja kebiasaannya berpunca daripada pihak sekolah, rakan sekerja, murid-murid, dan masyarakat yang inginkan pencapaian yang positif daripada guru. Tekanan ini ditambah dengan tuntutan kerja yang tinggi daripada pihak atasan yang memberi kesan dalam peningkatan beban tugas guru. Masyarakat, murid dan kementerian sentiasa berfikir guru mampu memberikan apa sahaja perkhidmatan kepada murid tanpa memikirkan kesanggupan dan kekangan masa yang dihadapi oleh guru. Situasi ini menyebabkan guru berpotensi untuk berhadapan dengan tekanan kerja. Sekiranya guru tidak berjaya untuk berhadapan dengan cabaran tersebut, guru akan menunjukkan tindak balas terhadap tekanan sama ada dalam bentuk fizikal, psikologikal atau tingkah laku.

Menurut Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed (1994), tindak balas tekanan dalam bentuk fizikal termasuklah sakit kepala, sakit jantung, ketegangan urat saraf, gastrik, penyakit kardiovaskular dan tidak berdaya. Tindak balas dalam bentuk psikologikal pula merangkumi aspek kebimbangan, senang marah, berkelakuan agresif, bosan, gelisah dan takut manakala tindak balas dalam bentuk tingkah laku pula melibatkan perubahan yang ketara ke atas tingkah laku seperti mereka akan banyak membuat kesilapan dalam pekerjaan, kurang makan, tingkah laku yang menunjukkan individu itu resah seperti menggigit kuku, berjalan ke hulu dan ke hilir dengan tidak ada tujuan sebenar dan sebagainya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Handy (1986), terdapat tiga ruang tekanan di dalam bidang pekerjaan iaitu: (1) suasana kerja itu sendiri, (2) perbezaan di antara peranan yang tersurat dan tersirat atau peranan di dalam struktur organisasi serta (3) masalah-masalah yang biasa mempengaruhi tindakan individu untuk memberikan kerjasama dengan ikhlas. Keadaan ini akan menyebabkan individu mempunyai kesukaran untuk menyesuaikan diri mereka dengan pekerjaan yang dilalui lantas menyebabkan guru berhadapan

dengan risiko mengalami tekanan kerja. Walaupun punca-punca yang menyebabkan tekanan terhadap individu mungkin berbeza, namun kebanyakan mereka mungkin mengalami tekanan dalam tugas mereka.

Jika diteliti dalam persekitaran kerja yang sama, seseorang guru itu mungkin berhadapan dengan situasi tekanan kerja yang sama dengan guru lain tetapi keupayaan mereka untuk berhadapan dengan situasi tekanan tersebut mungkin berbeza. Ini menunjukkan ciri-ciri individu yang membolehkan seseorang guru menangani tekanan kerja adalah sesuatu yang penting untuk dikenalpasti. Ciri-ciri individu atau keberkesanan diri adalah salah satu faktor yang mempengaruhi tekanan kerja yang dikaji dalam kajian ini. Menurut Bandura (2001), seseorang individu yang mempunyai keberkesanan diri yang tinggi mampu untuk berhadapan dengan tugas yang sukar dengan tekanan kerja yang minimum. Dapatan kajian oleh Adams (2001) terhadap tekanan kerja dalam kalangan guru vokasional menunjukkan faktor dalaman seperti efikasi sendiri dan estim sendiri mempengaruhi tekanan kerja di kalangan guru. Penyelidik lepas juga mendapati efikasi sendiri dan estim sendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik dan prestasi kemahiran guru dalam bidang teknik dan vokasional (Pajares, 2003; Loo & Choy, 2013).

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Transformasi KV daripada SMV / SMT bermula pada tahun 2012 telah menyebabkan pelbagai perubahan antaranya struktur kurikulum, waktu pembelajaran dan sistem pensijilan. Bermula dengan 15 buah kolej rintis (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2011), sehingga kini terdapat 72 buah kolej vokasional di seluruh Malaysia. Bagi memastikan pelaksanaan kolej vokasional mencapai sasaran keberhasilan, tenaga pengajar dan pensyarah vokasional berhadapan dengan pertambahan beban kerja dan potensi untuk berhadapan dengan tekanan kerja. Merujuk kepada peratusan kadar tekanan kerja di Malaysia pada tahun 2011, kerjaya perguruan berada pada tempat keempat dengan peratusan sebanyak 45.8 peratus berbanding pekerjaan-pekerjaan yang lain seperti jururawat dan doktor (Mohd Nasaruddin, 2011). Laporan dalam Utusan Malaysia, 7 Julai 2005 mendapati guru-guru di negeri Selangor, Johor, Melaka dan Kuala Lumpur dikategorikan sebagai 'guru terbeban' kerana menggunakan masa 74 jam seminggu untuk menjalankan tugas termasuk 50.4 jam atau 68 peratus tugas yang berkaitan kurikulum. Dapatan kajian oleh Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Mohammed Hassan Omar, Nurul Ezzati Azizi dan Faridah Suboh (2012) mendapati tekanan kerja adalah masalah yang semakin meruncing dalam kalangan guru namun kajian yang berkaitan tekanan kerja masih tidak mencukupi terutamanya terhadap guru teknik dan pensyarah vokasional.

Tekanan kerja memberi kesan yang berbeza terhadap individu dan faktor yang menyebabkan tekanan kerja terhadap seseorang pensyarah mungkin tidak menjadi punca tekanan terhadap pensyarah lain (Anastasiou &

Papakonstantinou, 2014). Kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Kajian Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional bagi Aspek Guru (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2011) menunjukkan majoriti guru yang mengajar kemahiran vokasional mempunyai kemahiran kerja pada tahap sederhana. 50 peratus guru hanya mengajar pada tahap memuaskan sedangkan 40 peratus daripada keseluruhan guru di Malaysia adalah berumur kurang daripada 40 tahun (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Selain daripada keperluan efikasi sendiri dan estim sendiri guru dalam menghadapi perubahan, faktor demografi guru seperti pengalaman mengajar dan bidang pengajaran juga meletakkan guru dalam situasi tekanan kerja. Justeru, kajian tentang efikasi sendiri dan estim sendiri serta hubungannya dengan tekanan kerja guru perlu dilakukan kerana pensyarah vokasional dilihat menghadapi satu perubahan tahap tekanan kerja kesan daripada pelaksanaan transformasi pendidikan vokasional ini.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian adalah untuk melihat hubungan antara efikasi sendiri, estim sendiri dan pengalaman mengajar dengan tekanan kerja pensyarah vokasional di Kolej Vokasional.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1. Menentukan tahap efikasi sendiri, estim sendiri dan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional.
- 1.4.2. Membandingkan tekanan kerja di antara pensyarah bidang Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Mekanikal dan Pembuatan dan Teknologi Awam.
- 1.4.3. Menentukan hubungan antara pengalaman mengajar, efikasi sendiri, estim sendiri dan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional.
- 1.4.4. Menentukan faktor peramal yang menyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1.5.1. Apakah tahap efikasi sendiri dalam kalangan pensyarah vokasional?

- 1.5.2. Apakah tahap estim sendiri dalam kalangan pensyarah vokasional?
- 1.5.3. Apakah tahap tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional?
- 1.5.4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah bidang Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Mekanikal dan Pembuatan dan Teknologi Awam?
- 1.5.5. Adakah terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional?
- 1.5.6. Adakah terdapat hubungan antara tahap efikasi sendiri dengan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional?
- 1.5.7. Adakah terdapat hubungan antara tahap estim sendiri dengan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional?
- 1.5.8. Apakah faktor peramal yang menyumbang kepada tekanan kerja dalam kalangan pensyarah vokasional?

1.6 Kepentingan Kajian

Dari sudut teoritikal, kajian ini memberi sumbangan kepada percambahan dan perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan khususnya dalam konteks pengajaran vokasional. Pertamanya, kajian ini merujuk kepada Model Tekanan Kerja Guru Kyriacou dan Sutcliffe iaitu berkenaan punca tekanan kerja guru dan kesan terhadap kesihatan guru itu sendiri. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini dapat memberi gambaran tentang tekanan kerja pensyarah kolej vokasional dan kesannya terhadap perkhidmatan dan kesihatan mereka. Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada *Transactional Model of Stress and Coping* berkaitan ciri individu dan ciri persekitaran yang dipengaruhi oleh *coping* untuk menangani *stressor* dan kesan jangka panjang terhadap kesihatan.

Dari sudut praktikalnya, kajian ini dijalankan bagi mengesahkan status semasa tahap efikasi sendiri khususnya dalam kalangan pensyarah vokasional di Kolej Vokasional. Efikasi sendiri merupakan ciri penting yang menentukan tahap keyakinan pensyarah dalam melaksanakan pengajaran kurikulum vokasional dengan berkesan selain memberi gambaran tahap pencapaian murid. Justeru, efikasi sendiri pensyarah vokasional penting untuk dikaji kerana maklumat ini dapat membekalkan input mengenai latihan yang sesuai diterima untuk golongan pengajar. Dengan itu, pihak yang terlibat khususnya Institut Latihan Perguruan (IPG), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dapat membuat penambahbaikan ke atas program latihan dan pendidikan guru disamping merancang dan menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran.

Selain daripada itu, kajian ini juga memberi gambaran berkenaan tahap tekanan kerjapensyarah. Menurut Gold dan Roth (1993), kebanyakan guru sedar akan tekanan kerja yang dialami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui cara untuk mengendalikan tekanan. Memandangkan tekanan boleh menjejaskan prestasi, kepuasan kerja dan produktiviti, pengetahuan mengenai punca dan kesan tekanankerja adalah amat penting untuk dikenalpasti. Ini turut disokong oleh Tang dan Yeung (1999) yang menekankan bahawa adalah penting bagi seseorang guru untuk mengetahui punca-punca tekanan kerja yang berpotensi dan kesan tekanan terhadap kesejahteraan psikologi mereka. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran terhadap pensyarah vokasional di Kolej Vokasional mengenai kesan negatif tekanan kerja di samping membantu mereka mengatur langkah untuk meminimalkan tekanankerja yang dihadapi.

Meskipun isu tekanan kerja guru telah lama wujud di negara kita, namun tidakramai di antara guru yang diberi peluang menghadiri kursus yang berkaitan dengan daya tindak menangani tekanan kerja. Keadaan seperti ini agak membimbangkan kerana golongan guru merupakan aset negara yang amat penting dalam menjayakan segala dasar dan program pendidikan. Lantaran itu, kajian ini penting juga kepada pihak pentadbir atasan di Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merangka program untuk mendedahkan para guru tentang kemahiran asas menangani masalah tekanan kerja. Dengan kemahiran tersebut, maka dapatlah mengurangkan tekanan kerja di kalangan guru dan seterusnya menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.

Kajian ini juga penting untuk dijalankan bagi mengesan faktor demografi yang dikenalpasti mempengaruhi tekanan kerja khususnya dalam kalangan pensyarah vokasional di Kolej Vokasional. Maklumat yang diperolehi dapat dijadikan panduan oleh pihak pentadbir dalam memilih dan melantik pensyarah yang bersesuaian untuk mengajar. Selain itu, maklumat yang diperolehi juga dapat dijadikan panduan oleh pihak yang terlibat untuk menyediakan latihan guru bagi merancang program-program yang berkaitan. Pihak pentadbir juga dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani atau sekurang-kurangnya meminimalkan tekanan kerja dalam kalangan pensyarah.

Akhir sekali, kajian ini juga amat berguna bagi pihak penyelidik sendiri memandangkan profesion yang diceburi adalah profesion perguruan yang kini dilanda dengan berbagai isu, seperti tekanan kerja, konflik dan kekaburan peranan, permasalahan perkhidmatan dan sebagainya.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kajian ini terbatas kepada beberapa perkara berikut:

- 1.7.1. Kajian ini terbatas kepada kolej vokasional di dua zon iaitu Zon Selatan dan Zon Tengah sebagai lokasi kajian. Zon Selatan terdiri daripada Negeri Sembilan, Melaka dan Johor manakala Zon Tengah terdiri daripada negeri Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Pemilihan kedua-dua zon ini adalah kerana populasi mudah diuruskan, boleh diperolehi atau *accessible population* serta tidak terbatas kepada sampel dan terjamin. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2014), secara keseluruhannya terdapat 31 buah Kolej Vokasional di kedua-dua zon tersebut. Walaubagaimanapun, pengkaji hanya memilih Kolej Vokasional yang menawarkan ketiga-tiga bidang pengajian vokasional iaitu Teknologi Elektrik dan Elektronik (TEE), Teknologi Mekanikal dan Pembuatan (TMP) dan Teknologi Awam (TA) sebanyak 18 buah.
- 1.7.2. Kajian berkenaan tekanan kerja melibatkan simptom-simptom yang dialami oleh pensyarah yang menunjukkan bahawa mereka berada dalam lingkungan individu yang mengalami tekanan kerja. Pengkaji tidak melihat kepada *stressor* atau punca-punca tekanan kerja guru seperti beban tugas, aspek pembangunan profesional (contohnya gaji yang tidak mencukupi) atau kemudahan sekolah (contohnya kelas yang besar dan kekurangan peralatan). Simptom-simptom yang dikaji meliputi aspek fizikal, emosi, sosial dan kognitif.
- 1.7.3. Kajian ini fokus terhadap efikasi sendiri pensyarah yang meliputi empat konstruk utama iaitu kemampuan dalam memberi tumpuan terhadap pelajar, kemampuan dalam strategi pengajaran, kemampuan dalam menguruskan bengkel dan kemampuan dalam integrasi teknologi.
- 1.7.4. Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk kajian korelasi secara tinjauan melalui penggunaan soal selidik yang dijalankan ke atas pensyarah vokasional di Kolej Vokasional. Oleh yang demikian, semua dapatan dari kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada pensyarah mata pelajaran vokasional yang mengajar di Kolej Vokasional sahaja.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Tekanan Kerja

Tekanan kerja merujuk kepada tindak balas negatif seperti kemarahan atau tekanan jiwa yang selalunya diikuti dengan kenaikan dengupan jantung atau pelepasan horman "*andrenocorticotrophic*" ke dalam saluran darah (Kyriacou & Sutcliffe, 1978b). Tekanan kerja guru dilihat sebagai perbuatan menekan, keadaan menekan semasa berkerja di sekolah yang mengakibatkan seseorang guru menanggung beban yang sukar untuk ditanggung dan boleh mengugat keyakinan atau kesihatan diri mereka.

Dalam konteks kajian ini tekanan kerja guru merujuk kepada psikologi negatif meliputi aspek kognitif dan emosi yang memberi kesan terhadap kesihatan individu dan organisasi. Tekanan kerja guru diukur dengan menggunakan instrument oleh Henning dan Keller (1996) yang di alih bahasa oleh Ashkzari dan Piryaei (2015). Instrumen ini terdiri daripada empat sub skala iaitu tekanan kerja dalam aspek fizikal, emosi, sosial dan kognitif.

1.8.2 Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri adalah merujuk kepada persepsi diri terhadap kecekapan diri sendiri berbanding dengan tahap kecekapannya yang sebenar. Pertimbangan efikasi kendiri menentukan pemberat usaha seseorang dalam sesuatu tugas dan jangka masa dia akan terus berjuang tanpa berganjak (Staples et. al., 1998). Menurut Bandura (1989) efikasi kendiri bukan merujuk kepada kemahiran individu tetapi pertimbangan seseorang mengenai apa yang boleh dilakukan dengan kemahiran yang dimilikinya.

Dalam konteks kajian ini, efikasi kendiri melibatkan persepsi kendiri atau jangkaan pensyarahakan kepercayaannya terhadap keupayaan diri untuk melaksanakan pengajaran pendidikan vokasional bagi menghasilkan pencapaian kepada murid. Efikasi kendiri pensyarah vokasional diukur berdasarkan empat dimensi utama iaitu strategi pengajaran, pengurusan bengkel, penglibatan pelajar dan integrasi teknologi menggunakan instrumen *Teacher Sense of Efficacy Scale* oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) yang diubahsuai oleh Bakar et al. (2012) dan *Computer Technology Integration Survey* oleh Wang et al., (2004)

1.8.3 Estim Kendiri

Estim kendiri merupakan pandangan individu terhadap diri sendiri sebagai seorang insan. Coopersmith (1967) mentakrifkan estim kendiri sebagai penilaian kendiri terhadap identiti individu, ketahanan diri atau tanggapan individu terhadap diri sendiri dan tanggapan itu kekal dalam diri seseorang itu untuk tempoh masa tertentu. Menurut Baumeister, Campbell, Krueger dan Vohs (2003), estim kendiri ditakrifkan sebagai berapa banyak seseorang individu menilai diri mereka sendiri. Menurut mereka lagi, estim kendiri merupakan komponen penting untuk menilai pengetahuan kendiri.

Dalam konteks kajian ini, estim kendiri merujuk kepada penilaian individu terhadap kemampuan diri sendiri tanpa melibatkan pandangan daripada orang sekeliling. Estim kendiri menunjukkan penilaian pensyarah terhadap imej dalaman yang seterusnya akan menentukan sikap dan tingkah laku mereka. Pengkaji menggunakan instrumen *Rosenberg Self Esteem Scale* yang bersifat uni dimensi untuk mengukur penerimaan diri individu secara global.

1.8.4 Pensyarah Bidang Vokasional

Pensyarah atau guru merupakan individu yang mampu mengajar atau mendidik dengan baik bagi mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Selaras dengan transformasi dalam bidang pendidikan, peranan pensyarah kursus vokasional juga mengalami transformasi daripada seorang penyampai maklumat kepada seorang pengurus, jurulatih dan juga fasilitator.

Dalam konteks kajian ini, pensyarah vokasional yang dimaksudkan adalah pensyarah program Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Mekanikal dan Pembuatan dan Teknologi Awam di Kolej Vokasional. Jadual 1.1 menunjukkan perincian program mengikut bidang.

Jadual 1.1: Perincian Program Mengikut Bidang

Bidang	Program
Teknologi Elektrik dan Elektronik	- Teknologi Elektrik - Teknologi Elektronik
Teknologi Mekanikal dan Pembuatan	- Teknologi Permesinan Industri - Teknologi Kimpalan - Teknologi Automotif - Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
Teknologi Awam	- Teknologi Pembinaan - Teknologi Pemprosesan Kayu dan Kemasan

1.8.5 Kolej Vokasional

